

# Pelantikan MB: Isa temui PM

UM 5 DEC 1999

Oleh AINUL ASNIERA  
AHSAN

SEREMBAN 4 Dis. — Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad akan mengadakan pertemuan dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Isnin ini untuk mengambil surat pelantikan Menteri Besar Negeri Sembilan dan pemilihan ahli mesyuarat kerajaan negeri (Exco).

Menurut Mohd. Isa, perjumpaan dengan Perdana Menteri akan diadakan pada waktu pagi di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Katanya, surat pelantikan Menteri Besar dan Exco itu kemudiannya akan diserahkan kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar di Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah pada sebelah petang.

“Macam sebelum ini, saya akan mengambil surat yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri kepada Sultan untuk memberitahu tentang kemenangan Barisan Nasional (BN) dan memperakukan pelantikan jawatan Menteri Besar dan barisan Exco bagi negeri terbabit,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di sini selepas merasmikan pembukaan kawasan perlumbaan Go-Kart di sini, hari ini.

Pertemuan Mohd. Isa dengan Perdana Menteri itu seolah-olah mengesahkan bahawa beliau akan dilantik semula sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan bagi lima penggal berturut-turut.

Sebelum ini, kelewatan pelantikan jawatan Menteri Besar dikatakan berlaku akibat timbul salah faham antara kerajaan negeri dan pihak istana.

Mohd. Isa ketika diminta mengulas perkara itu dengan tegas menyangkal dakwaan dan spekulasi tersebut.

“Perkara itu adalah tidak benar dan saya tidak perlu menjawab setiap khabar angin yang dibuat melalui media kerana saya bukan surat khabar...saya orang,” tegasnya.

Lagipun, menurut beliau, bukan Negeri Sembilan sahaja yang lewat tetapi beberapa negeri lain seperti Kedah, Johor, Perlis dan Pahang juga masih belum menerima surat pelantikan bagi jawatan Menteri Besar dan Exco.

Mingguan difahamkan majlis angkat sumpah jawatan Menteri Besar dan Exco akan diadakan di Istana Besar Seri Menanti pada Selasa ini pada pukul 9 pagi.

Dalam pada itu, beliau memberitahu bahawa pemilihan ba-

risan Exco baru kerajaan negeri akan dibuat oleh Perdana Menteri dalam pertemuan pada Isnin ini.

“Senarai 32 nama sudah ada dan terpulang kepada Perdana Menteri untuk menentukannya dan bukannya saya,” ujarnya.

Beliau bagaimanapun enggan membuat sebarang alasan mengenai kedudukan dan jumlah barisan Exco baru Negeri Sembilan.

Sementara itu, Isa berkata, kejayaan BN Negeri Sembilan menyapu bersih semua kerusi pilihan raya negeri ini adalah hasil kempen berterusan yang dijalankan selepas pilihan raya pada tahun 1995.

Menurutnya, kempen berterusan itu dijalankan oleh BN Negeri Sembilan bertujuan untuk memastikan rakyat di negeri ini sentiasa diberi penerangan terhadap sesuatu isu yang berlaku.

Katanya, tindakan itu perlu supaya rakyat benar-benar memahami situasi sebenar dan tidak mudah terpengaruh dengan fitnah dan pembohongan yang cuba dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

“Sebab itulah setiap kali ada isu pembangunan, sosial dan ekonomi yang dibuat kerajaan kita terangkan kepada rakyat supaya mereka faham apa yang berlaku,” katanya.

Pada pilihan raya baru-baru ini, BN berjaya mempertahankan tujuh kerusi Parlimen dan 32 Dewan Undangan Negeri buat kali pertama dalam sejarah negeri ini.